



PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 5. BIL. 24

BANDAR BRUNEI, RABU 21 DECEMBER, 1960 (3 Reiab, 1380)

PERCHUMA

TITAH D. Y. M. M. DALAM MAJLIS MESHUARAT NEGERI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah mengumumkan ranchangan2 kemajuan Negeri Brunei pada tahun hadapan dalam persidangan belangan Majlis Meshuarat Negeri di-Lapau Diraja pada 19 December lepas.

Ranchangan2 yang di-umumkan oleh Duli Yang Maha Mulia itu ia-lah dalam bidang2 undang2 rupa bangsa, pilihan raya yang akan di-adakan, kemajuan ekonomik, ranchangan pelajaran dan Dewan Bahasa dan Pustaka di-Negeri Brunei.

Titah baginda sa-lanjut-nya ada-lah berbunyi:

"Beta menguchapkan shukur dapat hadir dan beruchap di-Majlis Meshuarat ini untuk menimbangkan Rang Undang2 Perbekalan bagi tahun 1961.

"Ini ia-lah kali yang kedua beta beruchap di-Meshuarat Budget di-bawah perlembagaan baharu. Pada sa'at saperti ini ada-lah menjadi kelaziman bagi mengkaji semula pekerjaan2 yang di-selenggarakan oleh Kerajaan pada tahun lalu dan menghebahkan dasar2 dan pekerjaan2 bagi tahun yang akan datang pula.

UNDANG2 KEBANGSAAN

"Di-Meshuarat Budget yang lalu beta menyatakan di-antara perkara2 lain bahawa Kerajaan akan membentangkan kepada tuan2 beberapa chadangan undang2, yang termustahak sekali ia-lah undang2 akan menetapkan rupa bangsa Brunei.

"Sa-benar-nya beberapa undang2 telah pun di-bentangkan di-Majlis Meshuarat dan Rang Undang2 Kebangsaan telah juga di-hebahkan kepada orang ramai. Walau bagaimana pun, Kerajaan telah dapati mustahak untuk mengambil masa yang lebeh lanjut untuk memberi Rang Undang2 ini ka-peringkat yang akhir, oleh kerana dalam undang2 yang mustahak saperti ini ada-lah perlu untuk berbinchang dengan berbagai2 lapisan orang.

PILEHAN2 RAYA

"Akan tetapi beta berharap pada awal tahun hadapan chadangan2 yang terakhir akan dapat di-bentangkan di-Majlis Meshuarat ini kerana di-nasehatkan.

"Kerajaan beta juga telah mengambil bahagian penting dalam menyediakan pilihan2 raya yang akan di-adakan dalam tahun hadapan. Chadangan2 kerana undang2 untuk menyelenggarakan pilihan2 raya sedang di-binchang oleh Kerajaan dan sa-sungoh-

nya persediaan pekerjaan telah pun di-mulakan.

"Dalam lapangan kemajuan ekonomik beta sukachita menyatakan ia-itu pada pertengahan tahun ini kita baru saja mendapat sa-orang pegawai yang berkhidmat semata2 mengenai kemajuan. Satu lembaga kemajuan telah pun di-tubuhkan dan kertas biru kerana kemajuan ekonomik bagi negeri telah pun di-luluskan oleh lembaga itu.

"Dalam kemajuan ekonomik ada-lah perlu untuk membentangkan satu ranchangan bagi satu masa yang tertentu dan dalam hal yang demikian jika perlu Kerajaan akan berusaha untuk mendapat pertolongan dari sa-sa-orang pakar ekonomik supaya menasehatkan mengenai ranchangan2-nya.

"Perhubungan telah pun dibuat dengan Lembaga Bantuan Teknikal Bangsa2 Bersatu dan nama2 yang di-pilih oleh Lembaga sekarang ada-lah di-timbang-

kan oleh Kerajaan. Beta harap di-tahun akan datang pelan yang sa-benar2-nya bagi kemajuan ekonomik negeri ini akan siap.

"Pada menyebutkan kemajuan



D.Y.M.M. Sultan.

ekonomik atau di-segi ekonomi negara beta sukachita mengingatkan ia-itu yang utama dan penting jika hendak di-laksanakan di-jadikan satu2 ranchangan

RAYUAN PERTUBOHAN2 PEMUDA PAKISTAN

BANDAR BRUNEI. — Pertubohan2 Pemuda Pakistan telah menghantarkan rayuan kepada Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei meminta pertolongan bagi membantu penduduk2 di-Pakistan Timur yang telah di-timpa kemalangan ribut dan taufan baharu2 ini.

Menurut surat rayuan tersebut yang di-kirirkan kepada Pengerusi Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei, Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, melalui Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, lebeh kurang \$6,285,000 harta pesaka dan sabagai-nya telah rosak binasa akibat ribut dan taufan tersebut.

Oleh kerana kemalangan yang sedih itu, Lembaga Pertubohan2 Pemuda Pakistan telah menghantarkan rayuan kepada lembaga2 pemuda pemudi di-seluruh dunia meminta derma bagi membantu orang2 yang malang di-negeri itu.

Sementara itu, ada-lah di-fahamkan bahawa Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei akan mengadakan satu meshuarat khas tidak berapa lama lagi untuk merundingkan surat rayuan yang terma'alom.

oleh Kerajaan hendak-nya-lah bersabaya dengan perkara yang berthabit dan untuk ekonomi ra'ayat bersama. Dengan yang demikian baharu-lah atau harus akan menambahkan dan sa-ku-rang2-nya mudahan2 akan dapat mengekalkan kema'amoran negara kita ya'ani kema'amoran negara kita yang mewah ini.

SEKOLAH PERTANIAN

"Sa-bagaimana telah sampai ka-pengetahuan beta sa-buah sekolah Pertanian ada-lah sekarang sedang di-timbangkan oleh Lembaga Kemajuan dan harus perusahaannya2 yang lain2 untuk fa'edah atau bagi memperbaiki kehidupan ra'ayat akan menjadi pertimbangan Lembaga tersebut.

"Pada menjayakan langkah2 atau pelaksanaan2 yang saperti ini, beta berharap kepada pegawai2 Kerajaan dan lain2 yang bersangkutan hendak-lah memberikan kerja sama dan bantu membantu antara satu sama lain. Chara2 atau gaya2 yang sa-demikian ada-lah sangat2 di-kehendaki oleh Kerajaan Negara kita Brunei ini akan di-nyatakan tujuan Kerajaan mengenai ekonomi negara dan ra'ayat.

"Kerajaan juga telah meluluskan penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka bagi Brunei yang mana akan berusaha dengan berhubung rapat dengan satu pertubuhan di-Persekutuan Tanah Melayu guna meninggikan taraf dan memperkayakan bahasa Melayu. Buat permulaan-nya Dewan Bahasa dan Pustaka akan di-letakkan di-bawah kuasa Pejabat Pelajaran.

SUKATAN PELAJARAN

"Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk menambahkan penerimaan murid2 masuk kakelas di-sekolah Inggeris Kerajaan dari 150 murid dalam tahun 1960 hingga 400 murid dalam tahun 1961. Bagi maksud ini, tambahan bilek belajar sedang dibena dan akan siap untuk kegunaan dalam bulan January yang akan datang. Tambahan guru2 juga ada di-ambil.

"Kerajaan telah juga bersetuju tentang penukaran sukatan pelajaran Sarawak dengan sukatan pelajaran Malaya dalam sekolah2 menengah mulai dari tahun hadapan dan peperiksaan pelajaran Sijil Rendah Persekutuan Tanah

(Bersambung di-muka 4)

Putera2 Diraja balek ka-Brunei dari Malaya

BANDAR BRUNEI. — Dua orang putera2 Duli Yang Maha Mulia yang telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk melanjutkan pelajaran telah balek ka-Brunei untuk menyempurnakan kelepasan sekolah baharu2 ini.



Y.T.M. Duli Pengiran Muda Hassanah Bolkiah.

Putera2 baginda tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pe-

Inspektor Jani

BANDAR BRUNEI. — Radio Brunei bahagian Melayu telah memancarkan ka-udara baharu2 ini sa-buah sandiwar radio bertajok "Inspector Jani".

Cherita rekaan itu ia-lah hasil dari usaha Yang Mulia Tengku Zainab Sa'ad dan di-susun serta di-padankan untuk siaran radio oleh Inche Yusuff Imbee.

Pertunjukan wayang gambar Jabatan Penerangan

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei akan mengadakan pertunjukan wayang gambar dengan perchuma di-beberapa tempat hingga ka-akhir bulan ini.

Pada malam ini pertunjukan wayang gambar itu akan di-adakan di-hadapan rumah Awang Ghafar bin Juba di-Kampung Lorong Dalam, Kampung Ayer, mulai pada pukul 7 malam.

Pada pukul 5.15 petang bisok, hari Khamis 22 December, pertunjukan wayang gambar itu akan di-adakan di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei untuk kanak2.

Lain2 ranchangan pertunjukan wayang gambar itu ada-lah seperti di-bawah ini:

Hari Sabtu 24 December mulai pukul 7 malam di-kawasan Kampung Sungai Kebun.

Hari Ahad 25 December mulai pukul 7 malam di-kawasan Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei untuk orang ramai.

Hari Rabu 28 December mulai pukul 7 malam di-Padang Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei untuk orang ramai.

Hari Khamis 29 December mulai pukul 7 malam di-hadapan rumah Awang Mohamed Daim bin Duraman, Kampung Saba Tengah, Kampung Ayer.

Hari Sabtu 31 December mulai

ngiran Muda Hassanah Bolkiah dan Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Turut balek ka-Brunei bersama2 dengan putera2 baginda ia-lah seperti di-bawah ini:

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Rahman dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Apong, putera2 Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Muda Hashim.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Yusof, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Ja'afar dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Puteh, semua-nya putera2 Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Dato Setia Haji Mohamed Alam.

Sa-orang lagi ia-lah Yang Mulia Pengiran Kamarulzaman, putera Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Mohamed Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud.

Putera2 Duli Yang Maha Mulia dan lain2-nya itu telah ditemani oleh Yang Di-muliakan Pehin Ratna Setia Diraja Haji Mohamed Salleh bin Mudim Haji Yahya dan Yang Mulia Mudim Haji Wasli.

Ramai orang telah berada di-lapangan terbang tempatan untuk mengucapkan selamat kembali

ka-tanah ayer kapada putera2 diraja tersebut.

Di-antara orang ramai itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan Menteri Besar Brunei Yang Berhormat Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar.



Y.T.M. Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

JAWATAN2 BARU

BANDAR BRUNEI. —

Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Penolong Pegawai Daerah Belait telah bertukar ka-Bandar Brunei baharu2 ini untuk memangku jawatan sa-bagai Jurutulis kapada Majlis Meshuarat Diraja, Majlis Meshuarat Kerajaan dan Majlis Meshuarat Negeri.

Inche Mohamed Taib bin Awang Besar, Jurutulis kapada majlis2 meshuarat tersebut pada masa ini sedang berchuti.

Inche Abidin bin Orang Kaya Abdul Rashid, Pemangku Penolong Pemungut Hasil Tanah di-Bandar Brunei telah bertukar ka-Kuala Belait untuk memangku jawatan sa-bagai Penolong Pegawai Daerah.

MALAM PERPISAHAN MAKTAB PERGURUAN

BERAKAS. — Maktab Perguruan Melayu, Brunei akan mengadakan temasha Malam Perpisahan pada malam 22 December, 1960.

Temasha itu akan di-mulai pada pukul 7.30 malam, dan para tetamu yang hadir akan di-jemput melawat ka-kawasan maktab tersebut.

Satu majlis jamuan akan di-adakan di-dewan maktab itu mulai pada pukul 8 malam di-mana ucapan2 akan di-berikan oleh Tuan James Pearce, Pengetua, Maktab Perguruan Melayu, Brunei; Yang Berhormat Inche Idris bin Babji B.A., Pegawai Pelajaran Negara dan Inche Hambali Awang Tengah, Ketua Penuntut maktab itu.

Sa-lepas itu Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran

Bendahara Dato Paduka Muda Hashim akan menyampaikan sijil2 dan hadiah2 kapada para penuntut yang berjaya dalam peperiksaan2.

Kemudian penuntut2 maktab tersebut akan mempersembahkan nyanyian2 lagu baru dan asli, tarian zapin, tablo dan lain2-nya.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa sa-lain daripada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Pegawai Pelajaran Negara, di-antara tetamu2 yang akan hadir di-temasha tersebut ia-lah Yang Terutama Tuan D.C. White, Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei.



Murid2 tahun tiga Maktab Perguruan Melayu Brunei dan Pengetua maktab itu Tuan James Pearce (nombor lima dari kanan) di-gambar pada masa lawatan mereka ka-Polytechnic, Singapura tidak berapa lama dahulu.

Peta tertimbul itu menunjukkan bahagian laut yang mengelilingi Singapura.

Dalam gambar ini kelihatan Pendarah Ilmu Pelayaran Polytechnic Singapura menunjuk rumah api sambil memberi penerangan kapada para pelawat dari Negeri Brunei itu berkenaan berbagai2 hal yang mengenai peta tersebut

— Gambar Pejabat Kementerian Kebudayaan, Singapura.

'Adat Istiadat Diraja:

PENGURNIAAN GELARAN2 OLEH D.Y.M.M. SULTAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Sa-bagai melengkapi "adat istiadat diraja", Duli Yang Maha Mulia telah mengurniakan gelaran2 kepada penduduk2 negeri ini tahun demi tahun.

Gelaran2 itu sa-lain dari gelaran wazir sa-bagaimana telah di-ketahui umum ia-lah gelaran2 kepada cheteria, menteri2 yang terdiri dari pehin2, menteri dagang dan menteri darat.

Dalam tahun ini yang berakhir pada bulan October telah berjumlah 10 orang menteri2 yang terdiri dari menteri dagang, pehin, mudim dan menteri2 darat telah di-laksanakan gelaran-nya oleh Duli Yang Maha Mulia sendiri dan beberapa orang wakil peribadi baginda ia-itu Duli2 Pengiran Bendahara, Pengiran Pemancha sa-lain dari Yang Amat Mulia Pengiran Anak Safar, Pengiran Anak Kamis, Pengiran Shahbandar Dato Paduka Anak Haji Md. Salleh dan Pgn. Kerma Indera Dato Paduka Muhammad.

PENGURNIAAN GELARAN

Pengurniaan gelaran itu kebanyakan-nya di-lakukan sa-lain di-Istana Duli Yang Maha Mulia ia-lah di-Lapau Diraja, di-surau Istana, di-rumah2 besar Duli Pengiran Bendahara dan Pengiran Pemancha, dan di-rumah2 orang yang di-anugerahkan gelaran2 itu.

Gelaran2 yang di-sandangkan kepada penduduk negeri ini adalah untuk melengkapi "adat istiadat di-rajaa" yang masing2 ada dengan kewajiban-nya tertentu itu menurut sa-bagaimana adat turun temurun dari pemerintahan sultan2 zaman dahulu kala.

Tugas2 dan kewajiban tiap2 gelaran itu kita paparkan gelaran2 yang baru2 dahulu yang meng-negara-kan ia-itu ke-dudukan pembesar2 negara.

Sultan Negeri Brunei, mital-nya, ada-lah sa-bagai lambang untuk perpaduan ra'ayat yang telah menyerahkan kuasa diri masing2 kepada raja (sultan) untuk menjadi hak negara dengan berdasarkan "raja tidak boleh dzalim dan ra'ayat tidak boleh derhaka kepada raja".

WAKIL RA'AYAT

Kedudukan sultan ada-lah sa-bagai wakil ra'ayat yang mutlak dan menjadi turus negara yang bersendikan empat bahagian ia-itu kanun, shara', resam dan adat istiadat dengan berdasarkan istila Negeri Brunei.

Dalam rangka adat istiadat ini mengandongi beberapa orang pembesar negara yang terdiri dari tiga bahagian ia-itu wazir cheteria dan menteri.

Pembesar2 itu ada dengan tanggung jawab-nya yang di-se-rahkan kepada pundak mereka

untuk melaksanakan yang berhubung dengan sultan dan negara.

Tugas2 yang di-sandangkan pada mereka itu ada-lah merupakan satu jama'ah menteri yang menjalankan susunan pemerintahan yang kemas dan teratur, sehingga pada masa ini ada di-jalankan dalam istiadat2 saperti penabalan sultan, istiadat mengurniakan gelaran wazir2 cheteria2 dan lain2.

Sa-tengah2 dari kewajiban itu



Duli Yang Maha Mulia kelihatan sedang mengurniakan Pingat Pekerma Setia Brunei kepada Yang Mulia Pengiran Haji Buntar bin Pengiran Ja'afar di-Istana Darul Hana pada bulan yang lalu.

husus-nya yang tidak berkenaan dengan adat istiadat dan ugama Islam telah di-berikan kepada pegawai2 yang tertentu yang telah di-lantik mengikut susunan pemerintahan semenjak Brunei menjadi sa-buah negeri naungan British.

KUASA SULTAN

Dalam pada itu kuat kuasa yang di-jalankan mengikut taraf gelaran itu ada-lah sa-mata2 kuasa sultan jua.

Gelaran2 wazir dan kepala cheteria itu tidak-lah terkhas bagi anak raja2 yang berterasa sahaja anak2 pengiran2 lain pun berhak di-kurniakan gelaran itu.

Tiap2 gelaran itu sa-belum Negeri Brunei bernaung di-bawah kerajaan Inggeris ada kewajiban-nya yang tertentu :

Duli Pengiran Bendahara :

◆ Menjadi pengetua pemerintah agong tertinggi untuk menjalankan kekuasaan sultan;

◆ Menjadi pengetua yang tertinggi sekali dalam hal ahwal kehakiman;

◆ Menjadi pemangku sultan bila sultan berangkat keluar negeri (masa itu rumah-nya boleh di-sebut istana); dan

◆ Menjadi pengetua tertinggi dalam hal ahwal ugama Islam.

Duli Pengiran Di-Gadong :

◆ Menjadi pengetua yang tertinggi bagi hal ahwal kekayaan negara; dan

◆ Menjadi pengetua tertinggi urusan negeri2 yang telah di-ta'alok dan hal ahwal kementerian.

Duli Pengiran Pemancha :

◆ Menjadi pengetua tertinggi di-dalam pemerintahan negeri;

◆ Menjadi pengetua tertinggi dalam hal ahwal adat istiadat, resam dan kanun negara; dan

◆ Menjadi pengetua mengesahkan sa-suatu perkara yang hendak di-jalankan; jika perkara itu di-fikirkan-nya tidak manasa-

bah boleh-lah perkara itu di-batalkan.

Duli Pengiran Temenggong :

◆ Menjadi pengetua tertinggi dalam hal ahwal ketenteraan laut;

◆ Menjadi pengetua tertinggi dalam hal ahwal urusan pemerintahan negeri2 yang baharu di-ta'alok; tetapi apabila hal ahwal urusan pena'alokan negeri itu telah selesai maka kekuasaan-nya itu terserah-lah kepada Duli Pengiran Di-Gadong;

◆ Menjadi pengetua yang tertinggi dalam hal ahwal pemerintahan dan ma'alumat; dan

◆ Menjadi pengetua tertinggi bagi mengadilkan orang2 yang terhukum.

Pancharagam Pulis Brunei

BANDAR BRUNEI. —

Pencharagam Pulis Negeri Brunei telah menghiburkan hati beratus2 orang di-bandar ini, Seria dan Kuala Belait.

Pada petang 1 December pancharagam itu telah bermain di-kawasan Rumah Sakit Besar di-Bandar Brunei, dan pada petang 8 December pancharagam itu bermain di-kawasan Persatuan Jurutera China di-Seria.

Pancharagam Pulis Negeri Brunei telah bermain di-kawasan berhampiran tempat menyimpan kereta2 sewa di-Kuala Belait pada petang 15 Dec., yang lalu.

Para penduduk bandar ini dan lain2-nya akan dapat menyaksikan pancharagam tersebut bermain di-kawasan Civic Centre, Bandar Brunei besok, hari Khamis 22 December mulai pukul 5 petang.

PERSATUAN PEGAWAI2 KERJA TETAP NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Pegawai2 Kerajaan Kerja Tetap Negeri Brunei telah mengadakan meshuarat jawatan kuasa sementara-nya di-Bilek Meshuarat Civic Centre pada awal bulan ini untuk menggubal rang undang2 persatuan yang baharu itu.

Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, pengurus sementara persatuan itu telah memimpin meshuarat tersebut.

Rang undang2 yang di-gubal itu akan di-bentangkan kepada ahli2 persatuan itu dalam satu meshuarat agong khas pada bulan January hadapan.

Bagaimana pun, tempat dan tarikh meshuarat agong tersebut belum-lah di-tetapkan lagi.

PEJABAT PILEHAN RAYA BRUNEI DI-TUBOHHKAN

BANDAR BRUNEI. — Untok memenohi beberapa bab dari Perlembagaan Negeri Brunei maka sa-buah Pejabat Pilehan Raya telah di-tubouhkan di-No. 31, Jalan Berakas, Brunei, di-ketuai oleh Inche Matnor McAfee sebagai Penyelia Pilehan Raya bagi Negeri Brunei.

Beliau adalah di-bantu oleh sa-orang Pegawai dari Malaya, Inche' Mohamed Yusof bin Haji Osman.

Sa- hingga satu Surohanjaya Pilehan Raya di-lantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan maka Pejabat Pilehan Raya itu akan berjalan di-bawah arahan Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

PERUSAHAAN BARANG2 TEMBAGA DI-BRUNEI

Inche' Zaini bin Haji Ahmad yang telah menulis tinjauan-nya tentang perekonomian ra'ayat dalam bidang2 perusahaan dan perindustrian dan lain2, kali ini beliau menulis dalam bidang perusahaan tembaga.

Menurut tinjauan beliau bahawa perusahaan tembaga adalah sedang menghidap penyakit kanser.

Peninjauan Inche' Zaini sa-lanjutnya ada-lah seperti berikut:

Perusahaan tembaga di-negeri ini lebih menyedihkan keadaan-nya dari perusahaan pertunuan, sebab perusahaan itu kini sedang menghadapi penyakit kanser yang dahshat. Penyakit kanser itu pula tidak diubati dan bertambah deras keadaan-nya dari hari ka-hari. Kalau tidak di-beri pertolongan chemas sudah tentu penyakit-nya itu akan membara kapada maut dan menjadi korban ekonomi kompetasi-lah perusahaan tembaga di-negeri ini.

EKONOMI KOMPETASI

Sa-belum saya lanjutkan renchana ini, penting rasa-nya saya melebarkan maksud2 ekonomi kompetasi itu. Untuk permulaan-nya, dapat-lah saya rangkaskan bahawa ekonomi kompetasi itu ada-lah salah satu beberapa unsur2 ekonomi di-antara-nya perkembangan teknik di-dalam dunia modern ini.

Sumber2 pemutarmadam ekodynamis itu jua terdiri dari pertukaran rasa yang pula di-timbalkan oleh masa. Mithal-nya, empat puluh tahun dahulu, orang2 di-Brunei ini lebih suka memakai periok, lampu dan segala yang meliputi keperluan atau perkakas2 dapur, serta juga perhiasan rumah tangga, diperbuat dari tembaga.

Orang2 Melayu Iban suka benar menggunakan benda2 tembaga buatan Brunei. Tetapi jelas kelihatan sa-sudah peperangan kedua perasaan suka kapada perkakas dapur dan perhiasan rumah tangga yang di-buat dari tembaga itu sudah pudar, dan ini ada-lah di-sebabkan oleh peredaran masa itu tadi yang tidak siapa pun menyedari-nya.

MEMBERIKAN BANTUAN

Begitu-lah serba ringkas bagaimana ekonomi kompetasi itu dapat berjaya menyerang perusahaan tembaga itu sa-hingga kini menunggu hari akhir-nya.

Sekarang jelas-lah kapada peminat kemajuan keseluruhan-nya supaya mempunyai satu tugas, ia-itu mencari ubat sakti bagi menyembuhkan penyakit yang sedang di-hidapi oleh perusahaan tembaga itu.

Sebagai sa-orang ahli mesarakat yang ingin hidup dan me-

nyaksikan kemajuan2 yang sempurna, saya mempunyai kepercayaan yang tegoh bahawa ada ubat2 yang dapat menjamin memulihkan sa-mula kedudukan ekonomi perusahaan tembaga itu.

Ubat2 itu di-datangkan dari tiga peringkat masyarakat yang masing2 mempunyai tanggung jawab di-dalam penghidupan bersama.

JAMINAN PERUSAHAAN

Peringkat pertama, orang2 yang bertanggung jawab harus memberikan bantuan moral material; tingkat kedua hanya

Dengan membuat demikian bukan sahaja perkara kesukaran beli membeli dapat di-atasi, bahkan juga soal harga tembaga mentah dapat di-tetapkan mengikut harga pasaran biasa, dan tidak di-tentukan oleh kaum sipekulasi (speculators) yang ganas itu. Ini ialah di-antara beberapa chara yang dapat di-berikan oleh orang2 yang bertanggung jawab dan boleh menjamin perusahaan tembaga itu daripada menghadapi keruntuhan.

Chara lain yang dapat meyingkirkan perusahaan temba-



Gambar ini menunjukkan sa-bilangan hasil2 tukang tembaga di-Brunei.

di-haruskan memberikan bantuan moral dan tingkat ketiga pula mesti-lah menolong diri mereka sendiri.

Di-bawah istilah tanggung jawab, perusahaan tembaga itu dapat diberikan pertolongan dengan chara membelikan benda2 mentah (raw materials) yang di-perlukan oleh perusahaan itu. Dengan kata lain, orang2 yang bertanggung jawab di-dalam negeri ini mesti-lah memberikan pertolongan di-dalam pembelian tembaga mentah dari luar negeri.

ga itu dari menghadapi keruntuhan tadi, ia-lah menggalakkan orang2 tempatan, para hartawan-nya dan kalau boleh orang2 luar negeri umum-nya membeli hasil2 perusahaan tembaga itu. Di-dalam negeri, yang bertanggung jawab dapat menggalakkan orang2 tempatan membeli hasil2 perusahaan tembaga itu.

KAUM HARTAWAN

Dalam hal ini, kaum hartawan di-negeri itu tidak kurang penting-nya di-dalam memberi pertolongan kapada perusaha-

an tembaga itu. Mithal-nya mereka dapat minta buatkan tempat2 rokok, bedil2 kecil, dan perhiasan rumah tangga lain-nya, yang semua-nya diperbuat dari tembaga.

Dengan melakukan demikian bukan saja kaum hartawan tadi dapat pasaran (market) yang tertentu di-dalam negeri, akan tetapi juga dengan tidak di-sedari mereka dapat menghidupkan sa-mula sa-bilangan kecil dari kesenian nasional yang mengulimpapat warna-nya itu.

JIWA PEMBANGUN

Peringkat ketiga ia-lah orang2 yang mengusahakan perusahaan tembaga itu yang sa-harusnya mempunyai jiwa pembangun seperti menchipta benda2 perhiasan rumah jenis baru yang sesuai dengan masa dan tempat. Di-dalam perkara menchipta itu siapa pun tidak dapat menolong pengusaha itu, melainkan diri mereka sendiri.

Dapat-lah di-harapkan bahawa dengan kerja masa seluruh anggota mesarakat di-Brunei itu nanti, bukan sahaja perusahaan tembaga itu dapat hidup dan di-perbaiki semula, jnga perusahaan2 yang lain-nya.

Perusahaan besi di-Brunei ini tidak-lah dapat di-sebutkan sebagai perusahaan, sebab ia-nya sudah menjadi almarhum akibat peperangan dan penindasan ekonomi kompetasi juga. Kenyataan ini dapat di-sokong oleh keterangan2 yang boleh didapati dari kedudokkan yang sa-benar-nya. Umpama-nya, tidak ada sa-buah kampung pun masa ini yang penduduk-nya mengusahakan perusahaan besi itu. Apa yang dapat saya jumpai ia-lah kuboran2 almarhum perusahaan tembaga itu sahaja ia-itu di-kampung2 ayer di-Brunei. Nama kampung-nya sahaja yang menjadi ingatan, ia-itu Kampung Pandai Besi.

(Bersambung)

TITAH DULI YANG MAHA MULIA

(Sambongan dari muka 1)

Melayu akan di-ambil oleh murid2 Form III pada akhir tahun 1963.

"Peristiwa yang sangat penting dalam tahun hadapan ia-lah pemilihan Ahli2 Majlis Meshuarat Da'erah dan dari situ pula pemilihan Ahli2 Majlis ini. Ini bukanlah untuk memenohi perishtihaan beta sahaja bahawa pilihan raya akan di-adakan tidak lewat dari pada dua tahun dari tarikh pemsashhoran perlembagaan itu, tetapi juga akan menandakan satu langkah yang penting dalam kemajuan Perlembagaan Negeri ini.

"Dengan mengadakan pilihan raya tahun hadapan maka Majlis Meshuarat Da'erah akan mengambil peranan penting dalam Kerajaan negeri ini. Kerajaan telah berchita2 untuk mengatorkan dalam masa tahun yang berikut kerja2, tugas2 dan tanggung jawab Majlis Meshuarat Da'erah.

"Atas perbezaan pendapat2 dari beberapa golongan ra'ayat Negeri Brunei hendak-nya-lah kita jangan melupakan bahawa mereka2 yang tinggal dalam negeri yang benar2 hendak menjadi ra'ayat yang menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bagi kapada negeri ini dan mereka2

yang memang menjadi hak tulin Negeri Brunei ada-lah ra'ayat Negeri Brunei ini ya'ani kita semua tinggal atau diam di-satu negeri satu bangsa maka akan menjadi satu kewajipan pada kita semua mencari panduan untuk mencapai chita2 dan tujuan kita yang penghabisan yang akan menegakkan dengan chara perlembagaan Negeri Brunei yang berdaulat dan demokratik berdiri dengan haknya sendiri.

"Moga2 Tuhan menchuchori rahmat kapada hamba-nya tuan2 yang melaksanakan perusahaan kerana Allah".

MINGGU BAHASA TETAP DI-LAKSANAKAN

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah ber-setuju mengadakan Minggu Bahasa sa-bagai langkah menggalakkan pemakaian bahasa Melayu pada pendu-dok2 seluroh negeri sesuai dengan maksud Perlembagaan Negeri Brunei.

Demikian di-umumkan oleh Yang Berhormat Inche Idris bin Babji, Pegawai Pelajaran Negara, sa-laku Pengerusi Jawatan Kuasa Peranchang Minggu Bahasa dalam meshuarat-nya pada 13 Decem-ber lepas.

Minggu Bahasa itu akan di-adakan dengan anjoran Jabatan Pelajaran Negeri pada 10 hingga 16 April tahun hadapan, bukan

saperti yang telah di-umumkan.

Lain2 keputusan meshuarat itu antara-nya ia-lah :

* Meminta kerja sama dari

Pegawai Da'erah supaya melantek Jawatan Kuasa Da'erah Minggu Bahasa di-da'erah-nya masing2 ;

* Hadiah2 peraduan akan di-ikhtiarkan oleh Jawatan Kuasa Minggu Bahasa untuk memperoleh-nya dari orang ramai dan sharikat2 perniagaan dan lain2 ;

* Akan melantek Jawatan Kuasa Kechil untuk menyelenggarakan bahagian2 tertentu ;

* Tiap2 Jawatan Kuasa Kechil dan Jawatan Kuasa Da'erah di-minta menyediaan anggaran ranchangan perbelanjaanya ; dan

* Suatu meshuarat Jawatan Kuasa Peranchang Minggu Bahasa, Pegawai2 Da'erah atau wakil dan pengerusi2 tiap2 Jawatan Kuasa Kechil, akan di-adakan dalam bulan January tahun hadapan.

"Lagu Minggu Bahasa" telah juga di-persetujui dalam meshuarat itu supaya di-tugaskan kepada Inche' Awang Besar Sagap dan Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Yusuf akan mengubah-nya dan sa-telah itu di-bawa kepada Jawatan Kuasa Peranchang supaya di-persetujui bersama sa-belum di-perdengarkan kepada umum.

itu menegaskan bahawa Barisan Buroh itu bukan bertujuan politik sa-bagaimana sangkaan dari orang2 yang tiada mengetahui itu.

"Sa-benar-nya Empat B ia-lah persatuan buroh dalam istilah semua pekerja2 yang menjualkan tenaga-nya kepada sa-siapa sahaja, yang bertugas menjaga seluroh kepentingan kaum buroh", kata Inche' Abd. Hafidz.

Ini, telah di-nyatakan oleh Inche' Abd. Hafidz, Setia Usaha Agong Barisan Buroh Bersatu.

Pada masa ini lebeh 17 chawangan Barisan Buroh Bersatu telah di-tubuhkan di-sekitar tanah ayer, sa-lain beberapa buah chawangan akan di-tubuhkan dalam sadikit masa lagi.

Inche' Abd. Hafidz berkata: "Dalam masa pelaksanaan Barisan Buroh ini banyak pengaduan2 dari ahli2-nya yang di-terima akibat pembuangan kerja dan lain2 dengan pehak majikan yang berkehendakkan pembelaan. Semuanya itu telah dapat di-selesaikan dengan jalan perundingan dengan pehak yang bersangkutan."

Menjelaskan bahawa banyak desas desus dari orang ramai yang maseh kurang faham tentang tujuan Barisan Buroh itu yang menyangka persekutuan itu berbau politik. Sangkaan ini, kata beliau ada-lah salah.

Setia Usaha Agong Empat B

BUKU PELAWAT2

KA-RUMAH P.J.T.

BANDAR BRUNEI. — Orang ramai yang hendak melawat ka-Rumah Pesuroh Jaya Tinggi ada-lah di-ma-alomkan bahawa sa-buah Buku Pelawat2 akan di-le-tak di-dalam pondok kayu di-djalan masuk ka-Rumah Pesuroh Jaya Tinggi untuk kegunaan para pelawat.

Buku itu akan di-le-tak di-tempat tersebut mulai dari-pada 1 January, 1961 di-an-tara pukul 10 pagi dan 6 pe-tang pada tiap2 hari.

WAKIL2

P.G.G.M.B.

KA-MANILA

BANDAR BRUNEI. — Perse-kutuan Guru2 Melayu Brunei akan menghantar dua orang wak-il-nya untuk menghadiri Semi-nar Latehan Pemimpin2 Bangsa Asia yang akan berlangsung di-Manila pada 8 hingga 22 Febru-ary tahun hadapan.

Keputusan ini telah di-ambil dalam sidang Jawatan Kuasa PGGM Brunei baharu2 ini, kata Inche Umar bin Muhammad, Setia Usaha Agong persekutuan itu.

Ini, ada-lah menunaikan jem-putan Setia Usaha Agong Gabon-gan Persekutuan2 Guru2 Sadu-nia, yang menjemput tiap2 pertu-bohan yang bergabung supaya menghantar 2 orang wakil-nya ka-seminar tersebut.

Seminar yang akan di-adakan itu akan membincangkan bebe-raapa perkara antara-nya :

* Chita2 dan tujuan pertubu-han2 guru ;

* Tanggong jawab pertubohan guru ;

* Ranchangan kebajikan dan jawatan dalam pertubohan guru2 ; dan

* Perhubungan antara pertu-bohan guru2 dengan seluroh bangsa.

Ranchangan ini ada-lah lanju-tan dari persidangan2 yang di-adakan di-Kuala Lumpur dan Amsterdam pada beberapa bulan yang lalu.

Wakil2 Brunei ka-Kelantan

BANDAR BRUNEI. — Dua orang wakil Negeri Brunei telah berangkat ka-Kelantan, Perseku-tuan Tanah Melayu baharu2 ini kerana menghadiri sambutan hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan.

Beliau2 itu ia-lah Yang Dimu-liakan Pehin Maharaja Diraja Abdul Rahman dan Yang Di-muliakan Pehin Perdana Indra Haji Zainal.



Pemandangan sa-buah darjah bahasa Melayu terbuka kepada anggota2 Kera-jaan Brunei yang bukan Melayu di-Bandar Brunei.

PENGUMUMAN PARTAI RA'AYAT BRUNEI TERHADAP PEMECHATAN INCHE IDRIS

BANDAR BRUNEI. — Inche' Idris bin Md. Said, dahulu-nya menjadi Setia Usaha Partai Ra'ayat Chabang Tutong yang telah di-pechat dalam gerakan pembersehan anggota2 yang melanggar tata-tertib partai, telah di-chabut balek pemechatan tersebut oleh Ketua Umum Partai Ra'ayat Inche A.M. Azahari.

Penchabutan pemechatan Inche' Idris itu telah di-umumkan oleh Pegawai Penerangan Partai Ra'ayat Inche' Othman bin Abd. Latif pada 6 December lepas.

Pengumuman itu berbunyi : "Sdr. Ketua Umum sa-sudah menyelideki dengan teliti, mem-pertimbangkan dan memutuskan

ia-itu: Menchabut pemechatan atas diri Sdr. Idris bin Md. Said, bekas Setia Usaha (I) Partai Ra-ayat Chabang Tutong yang telah di-pechat oleh Sdr. Ketua Umum pada 4hb March, 1960 ia-itu sembilan bulan yang lalu."

Sa-belum itu Inche' Idris dalam masa pemechatan-nya telah

aktif bersama menubuhkan Per-tubuhan Kebangsaan Brunei, to-tapi telah meletakkan jawatan-nya sa-bagai Setia Usaha semen-tara pertubohan tersebut kerana tidak sesuai dengan tujuan dan perselisihan faham dengan pe-mimpin2 pertubohan itu.

Beliau berkata: "Sa-sudah saya menyelideki dan bersama2 de-ngan Pertubuhan Kebangsaan Brunei lebeh kurang 3 bulan sa-ya dapati bahawa pertubohan itu tidak sesuai dengan faham poli-tik yang saya anut, sebab itu-lah saya meletakkan jawatan dan ke-luar dari pertubohan itu."

PERATORAN MENANAM SAYOR2 DAN POKOK MAKANAN

(OLEH INCHE TALIB BIN MERAMIT)

Inche' Talib bin Meramit dari Jabatan Pertanian Negeri telah menulis "Peratoran Menanam Sayor2 Dan Pokok Makanan" dalam Pelita Brunei keluaran 16 November, lepas.

Dalam tulisan-nya yang lalu Inche Talib telah menghuraikan chara2 memilih tapak, membuat batas dan memilih beneh.

Sambongan tulisan beliau itu ada-lah seperti berikut :

Chara senang memilih biji2 itu untuk mengasingkan baik tak baik-nya, mithal-nya; biji ka-chang panjang, ambil-lah mangkok dan isikan dengan ayer sampai tiga suku penuh, kemudian masukkan beneh itu ka-dalam mangkok yang berisi ayer itu tadi.

PEMILIHAN BIJI2

Biji itu ada yang tenggelam dan ada pula yang timbol, mana2 yang timbol hendak-lah di-buang kerana itu menunjukkan tak bernas dan tak baik untuk di-tanam. Hanya mana2 yang tenggelam sahaja di-ambil untuk di-tanam pada batas.

Sa-telah kita menjalankan pemilehan biji2 beneh kachang itu tadi maka goreng lobang pada batas itu boleh-lah kita mulakan. Jarak-nya 18" antara sa-pokok dengan sa-pokok dan 2 kaki antara barisan. Lobang itu di-korek dengan tangan sahaja agak 2 3" dalam dan 5" besar-nya, kemudian di-dalam lobang itu ditaroh tanah bakar dua tiga genggam sa-lobang di-rata2kan. Manakala lobang itu telah di-isikan tanah bakar, boleh-lah kita tanamkan biji2 yang di-pileh itu tadi dua tiga biji sa-lobang, agak dalam-nya 1½" sahaja.

MENYIRAM

Sa-lepas di-tanam hendak-lah di-siram dengan ayer tiap2 lobang itu. Pekerjaan menyiram ini harus di-lakukan 2 kali sehari ia-itu sa-belah pagi dan petang kechuali hujan.

Biji kachang panjang biasa-nya akan tumbuh sa-telah 3 hari lepas di-tanam. Di-sini harus kita periksa mana2 yang tumbuh 3 biji sa-lobang mahu-lah kita alihkan sa-pokok dan di-mana yang tak tumbuh kita sulamkan. Hanya 2 pokok sahaja kita kehendaki ap2 sa-lobang.

Di-masa anak2 pokok kachang ini kecil harus-lah di-jaga dengan sa-chukup-nya kerana serangga suka merosakkan-nya. Jika ada hendak-lah di-tangkap dan di-bunuh, kalau musuh itu terlalu banyak gunakan-lah akar tuba yang di-champur dengan ayer di-simbahkan pada pokok2 sayoran itu supaya musuh2 itu mati.

Bermacham2 rachun kita boleh gunakan. Jabatan Pertanian pada masa ini menyediakan berjenis2 rachun seperti D.D.T.,

Agroside, malathion dan lain2 untuk menolong petani melawan musuh tanaman.

Membersih rumput2 di-atas batas harus selalu di-buat supaya sentiasa dalam keadaan bersih. Begitu juga menggembor pangkal pokok itu mustahak di-buat saminggu sa-kali terutama sa-lepas hujan, kerana tujuan menggembor itu ia-lah memberi udara kepada pokok2 sayoran itu supaya subur.

Baja ada-lah satu perkara yang mustahak di-kehendaki untuk makanan pokok dari masa pokok itu berumur 1 minggu sa-hingga berbuah, tetapi jikalau tanah itu baharu di-buka tidak-lah begitu susah sangat kita menaruh baja keranah tanah yang baharu itu biasa-nya kaya dengan baja. Tetapi jika tanah itu sentiasa di-usahakan dengan tidak di-tambah baja, maka lama kelamaan baja dalam tanah itu akan berkurangan, yang menyebabkan pokok itu tidak memberi hasil yang memuaskan.

BAJA YANG BAIK

Baja yang selalu di-gunakan untuk sayor2an ada bermacam2. Tahi lembu, kambing, ayam, abok udang, ikan dan lain2 adalah baja yang sangat baik untuk

sayor2an. Sa-lain dari itu ada pula yang menggunakan baja dagangan seperti NPK, STARMEL dan lain2.

Dua minggu umur pokok itu kira2 1-1½ kaki tinggi-nya haruslah di-beri junjong (turus) dengan buloh atau kayu sa-besar ibu jari kira2 panjang-nya 7-8 kaki supaya pokok itu senang memanjat. Chara membuat-nya tidak-lah payah di-cheritakan di-sini.

Delapan minggu hasil buah-nya dapat di-kutip kalau di-jaga dengan sempurna mengikut peratoran yang di-terangkan tadi dan akan dapat menikmati hasil-nya 5-8 pikul pada sa-ekar tanah. Jika di-jual 30 sen sa-kati bererti akan mendapat wang \$150.00 — \$240.00 pada sa-ekar tanah.

RANCHANGAN BARU RADIO BRUNEI

Penuntut S. T. P. R. I. dan anggota P. K. R. menang

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang penuntut Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri telah berjaya memenangi peraduan "Apa-kah pendapat tuan?" yang telah di-adakan di-bawah anjoran Radio Brunei, Bahagian Melayu, bertajuk "Manakah satu yang lebih baik di-utamakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris?"

Penuntut itu ia-lah Puan Rosinah binte Bolhassan, dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei.



Puan Rosinah

kolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei.

Gelaran yang kedua dalam peraduan itu telah di-menangi oleh Inche Muhammad bin Abdul

Wahab dari Pejabat Kerja Raya, Tutong.

Keputusan itu telah di-umumkan oleh Radio Brunei pada malam 12 December yang lalu.

Pemenang yang pertama telah berhasil mendapat hadiah sa-banyak \$10 dan pemenang yang kedua \$5.

Sa-bagaimana yang telah di-janjikan oleh Radio Brunei dalam siaran-nya tempoh hari, lima buah karangan yang baik sa-kali telah di-siarkan pada malam 12 December.

Sa-lain daripada menyiarkan karangan2 Puan Rosinah dan Inche Muhammad, Radio Brunei juga telah menyiarkan karangan penulis2 yang di-bawah ini :

Inche Abdul Ghafor bin Damit, Pejabat Kerja Raya, Bahagian Bangunan, Tutong.

Inche Mohamed Hussain Omar, Kampong Setia Pahlawan, Brunei.

P.G.G.M.B. membantu P.G.S.U. Filipina

BANDAR BRUNEI. — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah menderma wang sa-banyak \$700.00 kepada Persekutuan Guru2 Sekolah Umum Filipina kerana menolong mangsa ayer bah yang berlaku dalam bulan September lepas yang mengakibatkan lima buah da'erah Luzon Tengah tenggelam dan antara-nya 20,000 orang guru2 yang kehilangan rumah tangga.

Keputusan ini telah di-ambil dalam sidang Jawatan Kuasa Tadbir PGGM B pada 18 November lepas.

Inche' Umar bin Muhammad, Setia Usaha Agong PGGM B berkata bahawa langkah yang di-ambil ini ia-lah berikutan dengan surat rayuan dari Setia Usaha

Pertubuhan Guru2 Sadunia, Tuan William G. Carr, yang di-tujukan kepada semua persekutuan2 yang bergabung dengan Pertubuhan Guru2 Sadunia supaya melancarkan derma kilat yang berupa wang atau barang2 kepada mangsa2 tersebut.

Inche A.G. Daud, Jalan Bunga Kuning, Seria.

KEJAYAAN

Oleh kerana ranchangan baharu Radio Brunei itu sa-bagai menggantikan ranchangan, "Dugaan akal" telah mendapat kejayaan, penerbit ranchangan itu kini membuka peluang kepada orang ramai untuk mengambil bahagian dalam satu lagi peraduan mengarang.

Tajuk peraduan mengarang yang baharu itu ia-lah, "Manakah yang lebih berguna di-antara wang dan pelajaran?"

Para peserta boleh menulis karangan itu sama-ada dengan tulisan jawi atau rumi.

Tiap2 karangan tidak-lah lebih daripada 100 perkataan dan tarikh akhir bagi menghantarkan



Inche Muhammad.

karangan itu ia-lah hari Khamis 22 December.

Pemenang yang pertama akan di-beri hadiah sa-banyak \$10 dan yang kedua \$5.

Lima buah karangan yang baik sa-kali akan di-pancharkan oleh Radio Brunei, Bahagian Melayu pada pukul 8 malam hari Ithnin 26 December.

PERTANDINGAN BOLA SEPAK SEKOLAH2 SA-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Sultan Omar Ali Saifuddin College telah memperolehi dua gelaran dalam pertandingan bola sepak di-antara sekolah2 sa-negeri ini.

Maktab itu telah menjadi johan dalam pertandingan akhir bola sepak bahagian2 "B" dan "C".

Dalam bahagian "B" Sultan Omar Ali Saifuddin College telah mengalahkan Anthony Abell College, Seria dengan 4 gol tidak berbalas.

Maktab tersebut telah mengalahkan Saint Michael School, Seria dalam pertandingan akhir bahagian "C" dengan 2 gol berbalas satu.

Dalam pertandingan akhir bola sepak bahagian "A" pula, Chung Hwa Middle School, Kuala Belait telah mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dengan 1 gol tidak berbalas.

Semua pertandingan akhir bola sepak itu telah di-langsungkan di-Padang Bandar Brunei dan di-saksikan oleh ramai para penonton.

Pertandingan akhir bahagian "A" telah di-langsungkan pada petang 10 December.

Semua murid2 sekolah yang mengambil bahagian dalam pertandingan itu berumur 12 tahun ka-bawah.

Sa-belum pertandingan itu di-mulai pasukan2, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Chung Hwa Middle School, Kuala Belait telah berbaris masuk ka-tengah padang dengan berasingan dan membuat bulatan sambil memberi tabek kepada para penonton.

Sapuluh minit sa-lepas pertandingan itu di-mulai Han Lok Fong telah berjaya menjaringkan gol yang tunggal dalam pertandingan itu bagi pehak pasukan Chung Hwa Middle School.

Dalam masa pertengahan yang kedua kedua2 pasukan telah tidak berhasil menjaringkan gol dengan berkesudahan Sekolah China Chung Hwa, Kuala Belait mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei dengan satu gol tidak berbalas.

Pertandingan akhir bola sepak bahagian "B" terbuka kepada murid2 yang berumur 16 tahun ka-bawah telah juga di-langsungkan di-Padang Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 10 December, ia-itu sa-lepas selesai pertandingan bahagian "A".

Dalam masa pertengahan yang pertama Sultan Omar Ali Saifuddin College telah menjaringkan satu gol dengan tidak berbalas.

Sa-telah pertandingan di-sambungkan sa-mula, Sultan Omar Ali Saifuddin College telah mendapat 3 gol lagi, manakala Anthony Abell College telah tidak bernasib baik menjaringkan satu gol pun.

Awangku Othman bin Pengiran Damit telah menjaringkan tiga gol dan Awangku Tahir satu

gol bagi pasukan Sultan Omar Ali Saifuddin College.

Hadiah2 kepada johan dan naib johan dalam kedua2 pertandingan itu telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Inche Wan Ahmad bin Wan Omar, Setia Usaha Kerajaan, Brunei sa-lepas pertandingan bahagian "B".

Pertandingan akhir bahagian "C" terbuka kepada murid2 sekolah yang berumur 16 tahun ka-tas telah di-langsungkan di-Padang Bandar Brunei pada petang hari Juma'at 9 December.

Sultan Omar Ali Saifuddin College telah mengalahkan Saint Michael School, Seria dengan 2 gol berbalas 1 dalam satu pertandingan yang hebat.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed bin Pengiran Piut telah mengishtiharkan permulaan pertandingan itu dengan menendang bola.

Sultan Omar Ali Saifuddin College telah mengejutkan Saint Michael School pada sa'at yang pertama apabila Ariffin pemain S.O.A.S. College menandang bola dengan kuat ka-dalam pintu gol Saint Michael School.

Pada masa berehat S.O.A.S. College mendapat 1 gol dengan tidak berbalas.

RUMAH MELINTANG MENANG

SERIA. — Rumah Melintang telah menjadi johan dalam pertandingan rugby 7 orang sa-pasukan di-antara rumah2 Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell.

Rumah Selila telah mengalahkan Rumah Pandan dengan 17 mata tidak berbalas dalam satu pertandingan permulaan.

Dalam satu lagi pertandingan permulaan Rumah Melintang telah mengalahkan Rumah Teraja

Pertandingan itu telah beroleh seri pada sa'at yang ke-12 dalam masa pertengahan yang ke-dua. Gol itu di-jaringkan oleh Hashim bagi pasukan Saint Michael.

Tiga minit sa-belum tamat pertandingan itu, para penonton khas-nya penyokong2 pasukan Sultan Omar Ali Saifuddin College telah bertepok sorak dengan kuat — tepok sorak itu-lah sebagai tanda mengucapkan tahniah kepada S.O.A.S. College yang telah berjaya memenangi pertandingan itu apabila Saifun Laman menjaringkan gol yang membawa kemenangan kepada pasukan-nya.

Inspektor Mustapha telah mengadakan pertandingan itu.

Hadiah2 di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed.

PULIS B. B. BERJAYA

BANDAR BRUNEI. — Pasukan Pulis Bandar Brunei telah mengalahkan Pasukan Champoran Pulis Kuala Belait dan Seria dengan 2 gol berbalas 1 dalam satu pertandingan sa-chara persahabatan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu yang lalu.

Awang Tajuddin dan Samri telah menjaringkan gol2 bagi pasukan tempatan, manakala Buang menjaringkan gol yang tunggal di-perolehi oleh pasukan champoran tersebut.

Pada masa berehat kedua2 pasukan telah beroleh seri, 1 gol berbalas 1.

Gol yang membawa kemenangan kepada pasukan Pulis Bandar Brunei telah di-jaringkan oleh Samri pada pertengahan masa yang ke-dua.

Sa-lepas pertandingan itu Puan Outram, Isteri Pesuruh Jaya Pulis, Brunei, telah menyampaikan hadiah piala2 perak kepada Pasukan Pulis Bandar Brunei dan kepada ahli2 pasukan itu yang telah berjaya menjadi johan dalam pertandingan bola sepak di-antara pasukan2 pulis di-negeri ini tidak berapa lama dahulu.

Puan Outram juga telah menyampaikan hadiah piala2 perak kepada ahli2 pulis tempatan yang berjaya dalam perlawanan biliard baharu2 ini.

1209 KANAK2 BERTANDING

BANDAR BRUNEI. — Sajumlah 1209 kanak2 sekolah telah mengambil bahagian dalam pertandingan bola sepak di-antara sekolah2 di-seluruh Negeri Brunei baharu2 ini.


Kanak2 tersebut ada-lah terdiri dari 93 pasukan.

Perlawanan rugby

SERIA. — Dua perlawanan rugby telah di-langsungkan di-sini pada minggu yang lalu.

Dalam perlawanan yang pertama Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell telah mengalahkan Pasukan Champoran Panaga dan Field Force dengan 11 mata berbalas 3.

Pasukan Miri telah mengalahkan Bandar Brunei dengan 11 mata tidak berbalas.



Pasukan2 Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei dan Sekolah China Chung Hwa, Kuala Belait bergambar ramai sa-belum di-langsungkan pertandingan bola sepak di-Bandar Brunei sa-bagai mana di-beritakan di-muka ini.

NEHRU MENYERU SUPAYA

Lumumba di-bebaskan

NEW DELHI. — Perdana Menteri India, Tuan Nehru telah menyeru supaya Perdana Menteri Congo, Tuan Patrice Lumumba di-bebaskan dari bilek tahanan di-mana beliau sekarang di-penjara oleh pihak tentera Congo.

Tatkala berucap dalam parlimen, Tuan Nehru juga menyeru supaya ketua2 politik yang lain di-bebaskan dan meminta kepada Belgium supaya meninggalkan Republik Afrika itu.

Penganjur India itu telah menuduh Belgium mengganggu Bangsa2 Bersatu dan menyatakan bahawa satu perhubungan sedang di-jalankan untuk meujudkan satu tanah jajahan Belgium jenis baharu di-Congo.

Beliau berkata bahawa ada-lah satu perkara yang amat berbahaya jika Bangsa2 Bersatu menarek diri dari Congo, kerana negeri itu harus akan "masuk ka-dalam api

peperangan persaudaraan" dan keseluruhan Afrika nanti akan terbakar.

Tuan Nehru berkata bahawa Bangsa2 Bersatu telah membentok satu dasar tidak champor tinggi yang telah di-laksanakan hingga ka-perengkat yang sa-tinggi2-nya walau pun sa-suatu jenayah telah

di-lakukan di-hadapan mata-nya. Bangsa2 Bersatu tidak menchapori tangan juga.

Tuan Nehru telah menafikan da'awaan2 bahawa orang2 Belgium sa-chara persaurangan sahaja yang ada di-Congo. Da'awaan2 ini nampak-nya telah di-persejui oleh kuasa2 yang tidak sedar bahawa dengan begitu mereka sedang menyediakan satu malapetaka yang amat besar yang belum pernah berlaku.

Beliau menganggarkan bahawa sa-ramai 25,000 orang2 Belgium sedang ada di-Congo sekarang.

GIZENGA MEMEGANG KUASA YANG BAHARU

LEOPOLDVILLE (CONGO). — Timbalan Perdana Menteri dalam Kerajaan Tuan Lumumba, Tuan Antoine Gizenga telah memashhorkan di-Stanleyville bahawa beliau ada-lah mewakili kerajaan yang sah di-Congo.

Dalam satu perutusan kawat kepada Pengurus Majlis Keselamatan Bangsa2 Bersatu, Tuan Gizenga menyatakan bahawa kepala Negeri Congo telah di-pindahkan dari-Leopoldville ka-Stanleyville.

Pemerhati2 perchaya bahawa Russia, Czechoslovakia, Republik Arab Bersatu dan Ghana yang wakil2 diplomatik mereka telah di-halau keluar oleh ketua tentera, Colonel Mobutu, semenjak beliau mengambil kuasa, harus akan menghantar wakil2 mereka ka-Stanleyville.

Di-ibu pejabat Bangsa2 Bersatu di-New York tindakan ini adalah di-pandang dengan berat-nya.

Bersama2 Tuan Gizenga yang memegang kuasa di-Stanleyville dalam daerah Orientale ia-lah Tuan Salomo sa-bagai Pesuruh-jaya Jajahan.

Di-New York, Wakil Ceylon telah menyebarkan kepada wakil2 Majlis Keselamatan Bangsa2 Bersatu akan satu chadangan untuk me-

mintas Setiausaha Agong mencuba mendapatkan Tuan Lumumba dan lain2 ahli meshuarat Congo di-bebaskan dengan serta merta.

Ini ia-lah salah satu daripada lapan perkara dalam rangka2 shor yang di-jangka akan di-kemukakan oleh Sir Claude Corea dari Ceylon di-persidangan itu.

Sir Claude juga meniadakan supaya Setiausaha Agong diminta untuk :—

◆ Mendapatkan dengan serta merta bagi ahli2 tentera Belgium dan orang2 yang berhubung dengan tentera supaya di-keluarkan dari Congo.

◆ Mengambil tindakan yang sa-berapa boleh untuk menentukan supaya Parlimen Congo dapat bergerak dengan menggunakan Bangsa2 Bersatu untuk melindungi ahli2-nya daripada di-ganggu.

◆ Dan mengambil langkah2 yang mustahak dengan menggunakan kelengkapan Bangsa2 Bersatu untuk menjaga keamanan di-seluruh Congo.

Negara2 Asia berkehendakkan keamanan—PRESIDEN PAKISTAN

TOKYO. — Presiden Pakistan, Tuan Ayub Khan telah berkata di-sini bahawa bangsa2 yang kecil di-Asia ada-lah di-kehendaki supaya bersatu untuk menjayakan kepentingan diri mereka.

Tatkala berucap kepada pemberita akhbar, ketua Pakistan yang sedang membuat lawatan itu berkata bahawa negara Asia berkehendakkan keamanan untuk membentok satu darjah kehidupan yang sempurna. Tetapi keamanan tidak boleh terchapai salagi pertelingkahan maseh di-dapati di-antara India dan China Komunis dan di-antara India dan Pakistan.

Beliau menyatakan bahawa Pakistan mahu bersahabat dengan India, tetapi ini tiada dapat di-laksanakan sa-lagi tentera2 dari

kedua2 buah negara berhadapan di-antara satu dengan lain di-sepanjang2 sempadan mereka.

Mengenai Bangsa2 Bersatu beliau berkata bahawa pertubohan itu di-maksudkan untuk mengandalikan kepentingan2 manusia dari segi keadaan2 yang tertentu.

Dunia sudah bertukar semenjak piagam asal-nya di-gubal. Bangsa2 Afrika dan Asia yang baharu telah muncul dan bersaing pula dengan perang dingin, kata-nya lagi.

Kalau Belanda menyerang Indonesia...

JAKARTA. — Duta Cuba di-Jakarta, Doktor Benigno Arbez Cadelo, telah menyatakan di-sini bahawa Cuba akan membantu Indonesia jika Belanda menyerang-nya.

Beliau berkata bahawa sa-bagai balasan Cuba berharap Indonesia akan membantu Cuba terhadap kaum2 penjajah yang di-seenggarakan oleh satu badan penuntut2 Indonesia.

Kata-nya, "Jika ra'ayat Indonesia di-serang oleh Belanda, maka ra'ayat Cuba akan datang ka-sini untuk membantu-nya."

PENUBOHAN TENTERA DAERAH

KUALA LUMPUR. — Menteri Pertahanan Persekutuan Tanah Melayu Tun Abdul Razak telah menyatakan dalam parlimen terhadap ranchangan2 hendak menambah kekuatan tentera daerah negeri itu sa-banyak delapan battalion lagi pada tahun hadapan.

Sa-waktu mengemukakan anggaran perbelanjaan kementerian-nya, Tun Razak berkata bahawa ada-lah sudah menjadi tujuan untuk menubuhkan tentera daerah itu hingga kepada kekuatan-nya yang ada sekarang ini yang berjumlah sa-banyak 30 battalion dengan mempunyai 350 orang bagi tiap2 satu battalion.

Setia Usaha Negara yang baharu

WASHINGTON. — Presiden Amerika yang baharu di-pileh, Tuan John Kennedy telah menamakan Tuan Dean Rusk sa-bagai Setia Usaha Negara-nya.

Tuan Kennedy juga telah mengumumkan lantekan atas Tuan Adlai Stevenson duta ka-Bangsa2 Bersatu.

Lantekan yang ketiga yang telah di-umumkan di-satu persidangan akhbar yang di-buat oleh Tuan Kennedy di-Palm Beach, Florida ia-lah mengenai Tuan Chester Bowles sa-bagai Setia Usaha Rendah Negara.

Tuan Rusk yang telah berkhidmat di-bawah pertadbiran Truman ada di-samping presiden yang baharu di-pileh itu tatkala beliau membuat pengumuman-nya.

Pemimpin2 Afrika memulaikan persidangan

LONDON. — Wakil2 Nasionalis Afrika dari Nyasaland, Rhodesia Utara dan Rhodesia Selatan telah keluar dari persidangan mengkaji persekutuan tersebut malam tadi dan menyatakan mereka akan memulaikan terus persidangan2 mengenai persekutuan itu.

Di-samping itu Kerajaan British mengemukakan bahawa rundingan2 berhubung dengan perlembagaan2 baharu bagi Rhodesia Utara dan Rhodesia Selatan, yang di-jangka akan di-mulakan hari ini, telah di-tangguhkan.

Dalam suatu pengumuman bersama malam tadi Joshua Nkomo dari Rhodesia Selatan, Qenneth Kaunda dari Rhodesia Utara dan Dr. Hastings Banda dari Nyasaland—ketiga2 orang pemimpin nasionalis Afrika itu mengumumkan:

"Kami telah keluar dari persidangan mengkaji persekutuan itu kerana kezaman kaum2 kulit putih di-Rhodesia supaya orang2 Eropah tetap berkuasa di-sana dan juga kerana keangguan mereka untuk mengukui pimpinan 3,000,000 orang Afrika di-Rhodesia Selatan."

TUN TAN MENINGGAL

MELAKA. — Tun Tan Cheng Lock, berumur 77 tahun bekas Presiden dan pengasas Persatuan China Malaya telah meninggal dunia di-Hospital Besar Melaka baharu2 ini sa-telah di-serang oleh penyakit jantung.

Tun Tan telah di-kebumikan dengan suatu kehormatan negara.